

PENGALAMAN MENGAJAR GURU, IKLIM SEKOLAH DAN
EFIKASI GURU SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



AMANSA BIN AMMING

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013

**PENGALAMAN MENGAJAR GURU, IKLIM SEKOLAH DAN
EFIKASI GURU SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

AMANSA BIN AMMING

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2013**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PENGALAMAN MENGAJAR GURU, IKLIM SEKOLAH DAN EFIKASI GURU SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN.**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (KURIKULUM DAN PENGAJARAN)**

SAYA : **AMANSA BIN AMMING**

SESI PENGAJIAN : **2012/2013**

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/ Sarjana/ Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

☐

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktud di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

☐

TERHAD

☐

/


TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan dijalankan)




UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh


(AMANSA BIN AMMING)

Alamat Tetap :



(DR. KHALID JOHARI)

Tarikh : 9 Julai 2013

Tarikh : 08-07-2013

CATATAN :- * Potong yang tidak berkenaan.


** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumber-sumbernya.

MEI 2013



AMANSA BIN AMMING

PT 20117328 C



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, saya panjatkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah dan izinnya disertasi ini dapat disiapkan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan kursus bagi memperolehi Ijazah Sarjana Kurikulum dan Pengajaran Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.

Jasa yang tidak dapat dilupakan buat Dr. Khalid Johari penyelia yang mengajar saya tentang pelbagai perkara berkaitan kurikulum bukan sahaja semasa kuliah semester 1 dan 2 tetapi, pengembaraan ke pendalaman Sabah dalam misi merealisasikan nilai kurikulum yang kami pelajari dapat diaplikasikan. Usaha murni dan didikan serta bimbingan daripada doktor akan menjadi contoh tauladan yang akan saya teruskan mengharungi kehidupan sebagai seorang pendidik anak bangsa di Wilayah Persekutuan Labuan.

Jasa-jasa pensyarah dan professor yang mengajar di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah yang telah banyak berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman kepada saya terutamanya Prof. Madya Dr. Christina Ligadu, Profesor Vincent Pang Ah Fook dan Dr. Roslee.

Tidak lupa juga kepada Pengurus Cawangan Maiwp Labuan Ustaz Ahmad Talmizi Bin Yahaya. Kepada Pengetua SMA MAIWP Labuan Ustaz Mohd. Hasnizan Bin Yasin. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih di atas sokongan dan galakan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan.

Sangat teristimewa buat isteri saya yang tersayang Pn. Sanita Binti Bulhani yang sering menyuntik semangat dan kekuatan setiap kali menyiapkan tugas berkaitan pengajian diperingkat ini. Seorang isteri memahami suami yang belajar dan bekerja sebagai pendidik. Sekalung ucapan yang tidak terhingga kepada ayahanda dan bonda yang sentiasa mendoakan kejayaan anakanda diperingkat ini.

Kajian ini bertujuan untuk menentukan pengaruh yang disumbangkan oleh faktor-faktor kelayakan guru, iaitu bidang major pengajian dan pengalaman mengajar terhadap iklim sekolah dan efikasi guru-guru sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan. Data dikutip dengan menggunakan instrumen Teachers' Sense of Efficacy Scale yang melibatkan 150 orang guru di 5 buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan sebagai sampel kajian. Analisis korelasi Pearson mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara iklim sekolah dengan efikasi guru iaitu pada aras $p < .01$ ($r = .306$). Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar dan iklim sekolah kerana korelasi pearson, $r = -.172$ dan $p < .05$. Namun, dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar dengan efikasi guru, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar dengan iklim sekolah dan efikasi guru, tidak terdapat hubungan antara bidang major pengajian dan iklim sekolah, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara bidang major pengajian dan efikasi guru, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara bidang major pengajian dengan iklim sekolah dan efikasi guru. Hipotesis nul diterima. Guru-guru yang berpengalaman mengajar melebihi tujuh tahun berbeza secara statistik dalam aspek efikasi berbanding guru-guru dengan pengalaman mengajar kurang daripada tujuh tahun. Hasil kajian ini mencadangkan supaya guru-guru terlatih dalam bidang major pengajian perlu diberi peluang mengajar dalam persekitaran yang positif bagi membolehkan mereka membina efikasi guru yang positif dan produktif.

Kata kunci: Iklim Sekolah, Efikasi guru, Bidang major pengajian, Pengalaman mengajar, Guru sekolah menengah.

ABSTRACT

This research was aimed to determine the influence of teacher qualification factors, namely type of field learning major and teaching experience on school climate and secondary school teachers' efficacy in Wilayah Persekutuan Labuan. Data were collected using the Teachers' Sense of Efficacy Scale which involved 150 teachers from 5 secondary school in Wilayah Persekutuan Labuan. . Correlation analysis Pearson finds there is a significant relationship between school climate with teacher efficacy that is on p level $< .01$ ($r=.306$). Retrieval research showed there is a significant relationship between experience teaches and school climate because Pearson correlation, $r=-.172$ and $p<.05$. Null hypothesis rejected. However, study findings show did not exist relationship that significant between experience teaches with teacher efficacy, there is no relationship that significant between experience teaches with school climate and teacher efficacy, there is no relationship between field learning major and school climate, there is no relationship that significant between field learning major and teacher efficacy, there is no relationship that significant between field learning major with school climate and teacher efficacy. Null hypothesis accepted. Teachers with teaching more than seven years of teaching experience were statistically different in efficacy than those with less teaching experience. The research suggested that field learning major of graduate teachers should be given more opportunity to teach in positive teaching environment to enable them to develop positive and productive teacher efficacy.

Keywords: School climate, Teacher efficacy, field learning major, teaching experience, secondary school teacher.

ISI KANDUNGAN

TAJUK

MUKA SURAT

Pengesahan Status Disertasi Sarjana

Pengesahan Penyelia

Judul

Pengakuan

i

Penghargaan

ii

Abstrak Bahasa Melayu

iii

Abstrak Bahasa Inggeris

iv

Kandungan

v

Senarai Rajah

x

Senarai Jadual

xi

Senarai Singkatan

xii



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Tujuan Kajian	6
1.5	Objektif Kajian	7
1.6	Persoalan Kajian	8
1.7	Hipotesis Kajian	8
1.8	Definisi Operasional	9
1.9	Kepentingan Kajian	11
1.10	Batasan Kajian	12
1.11	Kerangka Teori Kajian	13
1.12	Rumusan	14

BAB 2:	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	15
2.2	Iklim Sekolah	15
2.3	Pembentukan Iklim Sekolah	24
2.4	Efikasi Guru	25
2.5	Model dan Teori	27
2.6	Kerangka Konseptual	31
2.7	Kajian-Kajian Lepas	32
2.8	Rumusan	37

BAB 3:	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka Bentuk Kajian	38
3.3	Prosedur Kajian	40
3.4	Populasi Kajian dan Persampelan Kajian	40
3.5	Instrumen Kajian	42
3.6	Kajian Rintis	43
3.7	Pemeriksaan Data Kajian	45
3.8	Analisis Data	46
3.9	Rumusan	51

BAB 4: ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	52
4.2	Demografi Responden	52
4.3	Mod, Min dan Sisihan Piawai Efikasi Guru dan Iklim Sekolah	56
4.4	Dapatan Hipotesis Kajian	61
a)	Hubungan antara Iklim Sekolah dan Efikasi Guru	62
b)	Hubungan antara Pengalaman Mengajar dan Iklim Sekolah	64
c)	Hubungan antara Pengalaman Mengajar dan Efikasi Guru	65
d)	Hubungan antara pengalaman mengajar dengan Iklim Sekolah dan Efikasi Guru	65
e)	Hubungan antara Bidang Major Pengajian dan Iklim Sekolah	66
f)	Hubungan antara Bidang Major Pengajian dan Efikasi Guru	67
g)	Hubungan antara Bidang Major Pengajian dengan Iklim Sekolah dan Efikasi Guru	68
h)	Perbezaan min Pengalaman Mengajar dengan Iklim Sekolah dan Efikasi Guru	68
i)	Perbezaan min Bidang Major Pengajian dengan Iklim Sekolah dan Efikasi Guru	70
4.5	Rumusan	72

BAB 5:	RUMUSAN, PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	73
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	74
5.3	Dapatan Kajian	75
5.4	Perbincangan dapatan Kajian	77
5.5	Implikasi Kajian dan Cadangan Kajian Lanjutan	82
5.6	Rumusan	84
RUJUKAN		86
LAMPIRAN		91



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian



SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 Pekali Alpha Cronbach Kajian Rintis dan Kajian Sebenar

Jadual 3.2.1 Skala Likert

Jadual 3.2.2 Petanda Skor Min

Jadual 3.2.3 Indeks Korelasi Pearson

Jadual 3.2.4 Skor Sisihan Piawai

Jadual 3.3 Hipotesis Kajian dan Teknik Analisis data

Jadual 4.1 Taburan Responden Mengikut Jantina Guru

Jadual 4.2 Taburan Responden Mengikut Umur

Jadual 4.3 Taburan Responden Mengikut Jenis program asas latihan guru

Jadual 4.4 Taburan Responden Mengikut Bidang major pengajian

Jadual 4.5 Taburan responden mengikut bidang pengajaran di sekolah

Jadual 4.6 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar

Jadual 4.7 Taburan Responden Mengikut Jumlah jam mengajar

Jadual 4.8 Skor Mod, Min dan Sisihan Piawai Bagi 20 Item Iklim Sekolah

Jadual 4.9 Skor Mod, Min dan Sisihan Piawai Bagi 12 Item Efikasi Guru

Jadual 4.10 Skor min dan sisihan piawai dimensi iklim sekolah dan dimensi efikasi guru.

Jadual 4.11 Korelasi antara Iklim sekolah dan efikasi guru

Jadual 4.12 Hubungan antara Pengalaman Mengajar dan Iklim Sekolah

Jadual 4.13 Hubungan antara Pengalaman Mengajar dan Efikasi Guru

Jadual 4.14 Korelasi hubungan antara pengalaman mengajar dengan iklim sekolah dan efikasi guru.

Jadual 4.15 Korelasi hubungan antara bidang major pengajian dan iklim sekolah.

Jadual 4.16 Korelasi Hubungan Antara Bidang Major Pengajian Dan Efikasi Guru.

Jadual 4.17 Korelasi antara bidang Major Pengajian dengan iklim sekolah dan efikasi guru.

Jadual 4.18 Perbezaan min pengalaman mengajar dengan iklim sekolah

Jadual 4.19 Perbezaan min pengalaman mengajar dengan efikasi guru

Jadual 4.20 Perbezaan min bidang major pengajian dengan efikasi guru

Jadual 4.21 Perbezaan min bidang major pengajian dengan Iklim Sekolah



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
Iptma	Institut pendidikan tinggi mara
KPTM	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
MRSM	Maktab Rendah Sains Mara
PDP	Pengajaran dan pembelajaran
SPSS	Statistical Package For Social Science
STEBI-B	Science Teaching Efficacy Belief Instrument
TQM	Total Quality Management
TSES	Teacher Sense of Efficacy Scale



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, perkembangan dan kemajuan dalam sistem pendidikan menjadi tunjang utama untuk membangunkan negara. Sistem pendidikan di Malaysia adalah pada tahap pembangunan yang berubah mengikut keperluan semasa. Oleh itu bagi memastikan kemajuan negara, keberkesanan sistem pendidikan perlu dititikberatkan dan kejayaan dalam sistem pendidikan pula adalah amat bergantung kepada organisasi sistem pendidikan itu sendiri. Antara organisasi penting yang bertujuan untuk memastikan kemajuan dalam bidang pendidikan ialah organisasi sekolah.

Peranan sekolah sebagai sebuah organisasi pendidikan adalah berbeza daripada kebanyakan organisasi-organisasi yang biasa. Perkhidmatan pendidikan lebih kepada menyebarkan ilmu pengetahuan dan cenderung menolong insan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan manakala perniagaan biasa lebih kepada membuat keuntungan kepada organisasi masing-masing (Hazman Fitri, 2000).

Pelbagai usaha yang gigih untuk menghasilkan produk pelajar yang berkualiti, beramal dan berilmu ini memerlukan keupayaan guru-gurunya untuk merealisasikan hasil tersebut. Antara keupayaan itu ialah dengan melihat iklim sekolah yang membantu warga sekolah untuk maju dan mencapai visi dan misi sekolah menengah agama itu sendiri dan efikasi yang ada pada guru-guru di sekolah-sekolah menengah

wilayah persekutuan Labuan. Menurut Johnson dan Zimmerman (1996) iklim bermakna persepsi pelajar terhadap personaliti sekolah. Iklim sekolah ini terbahagi kepada inovasi pengajaran kerjasama, perhubungan pelajar, sumber-sumber sekolah dan pembuatan keputusan (Johnson, Steven dan Zvoch, 2007). Mengikut Mumtaz (2009) pula iklim organisasi merujuk kepada set keadaan dan amalan kerja sesebuah organisasi. Iklim kerja menggambarkan persepsi warga kerja terhadap persekitaran kerja, kebajikan dan kemampuan pengembangan dan pembangunan pekerja yang terdapat di dalam organisasi. Iklim kerja ini akan memberi kesan terhadap prestasi kerja dan hubungan antara individu.

Kajian-kajian lepas mendapati guru-guru yang merasa kurang bersedia berdepan dengan masalah dalam pengajaran kerap menganggap diri mereka tidak berpengalaman dan tidak mendapat latihan yang mencukupi (Buell et al. 1999; Cains & Brown 1996; Martin et al. 1999). Dalam konteks profesion guru, pengalaman dan latihan guru merupakan dua isu yang saling berbeza. Pengalaman merupakan pengetahuan empirikal sementara latihan guru lebih bersifat teoritikal. Kedua-duanya saling memerlukan untuk menjadikan seseorang guru mencapai tahap kecekapan yang dituntut. Sehubungan itu, Goodwin (1999) mentakrifkan latihan guru dan pengalaman mengajar sebagai antara kelayakan asas yang utama dalam pengajaran berkesan.

Pendidikan dan latihan iktisas guru merupakan faktor yang paling utama dalam menentukan kualiti guru dan kualiti pengajaran. Kalangan pakar telah sepakat bahawa penguasaan pengetahuan dalam bidang pengajaran menjadi ciri yang paling penting dalam pengajaran guru. Dapatan kajian menyokong secara sederhana tetapi konsisten bahawa pengetahuan bidang pengajian dan pengetahuan tentang cara

mengajar menjadi penentu utama dalam kualiti pengajaran (Greenwald et al. 1996; Ingersoll 2000; Ingersoll & Gruber 1996). Menurut Cohen, Raudenbush dan Ball (2003), bukti-bukti statistik menunjukkan bahawa amalan pengajaran yang disertai dengan pengetahuan dan tindakan memberi pengaruh terhadap pembelajaran murid.

Selain itu, faktor pengalaman mengajar merupakan pengetahuan yang dibentuk oleh interaksi antara faktor-faktor persekitaran kerja. Tempoh dan kekerapan melalui tugas pengajaran sama ada berjaya atau sebaliknya, sedikit demi sedikit membina pengetahuan dan kemahiran profesion yang diperlukan. Guru-guru berpengalaman banyak bergantung kepada ingatan dan tafsiran terhadap pengalaman pengajaran terdahulu yang berkaitan (Gist & Mitchell 1992).

1.2 Latar belakang

Untuk kajian ini adalah berkaitan dengan pengalaman mengajar, bidang major pengajian, iklim sekolah dan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan. Kajian ini berfokus kepada guru yang mengajar di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan sahaja.

Di Wilayah Persekutuan Labuan terdapat 9 buah Sekolah Menengah yang menempatkan pelbagai latar belakang guru yang mengajar di sini. Kesibukan kepada guru dan akan menambahkan lagi tugas rutin mereka saban hari selain melaksanakan tugas harian mereka. Sudah pasti perkara seumpama ini boleh memberi dua perkara yang mungkin berlaku iaitu sesuatu yang baik dan sebaliknya. Namun, sekolah-sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan merupakan sekolah yang melahirkan pelajar yang seimbang dengan ilmu agama dan ilmu dunia.

Pencapaian pelajar yang baik dalam akademik dan sukan sentiasa meningkat saban tahun. Adakah pencapaian ini disebabkan oleh iklim sekolah yang positif dan efikasi guru yang tinggi menjadi persoalan. Oleh itu, wajarlah satu kajian tentang pengalaman guru, bidang major pengajian, dan iklim sekolah serta efikasi guru-guru ini perlu dijalankan agar dapat mengetahui secara lebih saintifik berkenaan iklim sekolah dan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan.

Iklim sekolah di sekolah menengah agama saban tahun mengalami era perubahan demi perubahan dari semasa ke semasa yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Oleh itu, kerjasama daripada pelbagai pihak, pengurusan sekolah, perhubungan pelajar, infrastruktur dan prasarana yang baru serta persekitaran. Menurut Ahmad Zabidi (2006) menyatakan iklim sekolah akan mewujudkan suasana pembelajaran yang bermotivasi dan seterusnya membantu pelajar memperoleh pencapaian yang lebih baik dan guru-guru lebih puas bekerja dalam persekitaran sekolah yang semakin mencabar dewasa ini dengan perubahan globalisasi. Oleh itu, persoalan yang timbul tentang apakah tahap iklim sekolah dan efikasi guru yang wujud di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan menjadikan sekolah-sekolah menengah ini yang terbaik dan cemerlang. Adakah iklim sekolah dan efikasi guru berbeza antara sekolah-sekolah menengah yang akan dijalankan dalam kajian ini.

1.3 Pernyataan masalah

Iklim sekolah dan efikasi guru menjadi faktor untuk memberikan dorongan dan sokongan untuk guru menjalankan peranan mereka sebagai seorang pendidik. Pengalaman mengajar, iklim sekolah dan efikasi guru masih kurang dikaji lagi di

Sekolah-sekolah Menengah di Wilayah Persekutuan Labuan. Dengan itu, pengkaji melihat bahawa ada sekolah-sekolah menengah harian masih di tahap sederhana dari segi pencapaian akademik berbanding sekolah-sekolah di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia berdasarkan maklumat yang diperolehi Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Labuan.

Ruslin (2002) menyatakan bahawa amat penting untuk memahami ciri-ciri iklim sekolah yang baik, kondusif dan positif. Oleh itu, iklim sekolah yang baik dan positif lazimnya wujud hasil dari sistem pentadbiran sekolah yang lebih teratur, sistematik, adanya toleransi di kalangan kakitangan dan wujudnya budaya kerja berpasukan di sekolah. Adakah iklim sekolah dan efikasi guru berbeza mengikut sekolah-sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Labuan? Adakah ini menjadikan pencapaian sekolah-sekolah menengah berbeza?

Tschannen-Moran dan Hoy (2001) juga menegaskan bahawa guru yang berpengalaman berefikasi tinggi kerana telah melalui peluang demi peluang menerusi tugas pengajaran harian untuk tempoh yang lama berbanding dengan guru novis untuk mengembangkan kemahiran dalam pengurusan kelas dan strategi pengajaran. Dapatan kajian Soodak dan Podell (1996) juga memperlihatkan wujudnya sumbangan pengalaman mengajar terhadap efikasi pengajaran guru. Namun dalam kajian Hoy dan Woolfolk (1993) mendapati pengalaman mengajar tidak memberi pengaruh secara statistik terhadap efikasi guru.

Menurut Zaidatol Akmaliah (2006) menyatakan guru perlu percaya kepada kebolehan guru. Mungkin kepercayaan ini penting supaya pelajar juga dapat mencontohi sikap positif ini. Dengan itu, dapat dianggap bahawa guru yang dikaji

mempunyai prestasi yang tinggi dan komited terhadap profesion keguruan. Manakala Ahmad Zabidi (2006) mengaitkan keadaan atau suasana sekolah yang tenang dan nyaman, sesuai untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, perkaitan yang diutarakan ialah adakah berlaku perbezaan efikasi guru dan iklim sekolah di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan.

Kajian-kajian berkaitan efikasi guru banyak tertumpu kepada implikasinya, di samping mengaitkannya dengan guru-guru pelatih dan novis. Namun, kajian-kajian yang mempelajari perbezaan pola efikasi guru berdasarkan faktor-faktor personal masih banyak yang perlu dijalankan (Giallo & Little 2003; Goddard 2002). Meskipun beberapa kajian yang mengaitkan efikasi guru dengan pengalaman mengajar namun perbezaan dapatan yang diperoleh menuntut lebih banyak kajian serupa dijalankan. Di samping itu, kajian-kajian yang mengaitkan bidang major pengajian, pengalaman mengajar dengan iklim sekolah dan efikasi guru masih kurang diberi tumpuan, khususnya dalam konteks pendidikan di Malaysia, selain kajian yang dijalankan oleh Rahmah, Mohd. Majid, Habibah & Foo (2006). Secara teorinya, setiap institusi pengajian tinggi awam yang mengendalikan program pendidikan guru di Malaysia adalah di bawah kawal selia Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) bagi menjamin kualiti program, namun keberkesanan guru dalam menjalankan pengajaran masih banyak dipersoalkan (Ingersoll 2007).

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pengalaman mengajar, iklim sekolah dan efikasi guru di Sekolah-sekolah Menengah Wilayah Persekutuan Labuan dalam

keadaan positif dan kondusif untuk proses kecemerlangan akademik yang konsisten dan berterusan pada masa akan datang. Kajian ini dilaksanakan agar dapat memperbaiki kekurangan dan menambahbaik kelebihan yang ada di Sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan pada masa akan datang supaya pencapaian akademik pelajar sentiasa dalam keadaan baik dan cemerlang.

1.5 Objektif Kajian

Antara objektif kajian ini ialah memberikan fokus utama terhadap pengalaman mengajar, iklim sekolah dan efikasi guru di Sekolah-sekolah Menengah Wilayah Persekutuan Labuan. Berdasarkan permasalahan di atas maka objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- a). Mengenal pasti tahap iklim sekolah dan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan?
- b). Menentukan hubungan antara pengalaman mengajar dengan iklim sekolah di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan?
- c). Menentukan hubungan antara pengalaman mengajar dengan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan?
- d). Menentukan hubungan antara bidang major pengajian dengan iklim sekolah di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan?
- e). Menentukan hubungan antara bidang major pengajian dengan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan?
- f). Menentukan hubungan antara pengalaman mengajar dengan iklim sekolah dan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan?
- g). Menentukan hubungan antara bidang major pengajian dengan iklim sekolah dan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan?

1.6 Persoalan Kajian

Antara persoalan-persoalan yang terdapat dalam kajian ini ialah:

- a). Apakah tahap iklim sekolah dan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan?
- b). Adakah terdapat hubungan antara pengalaman mengajar dengan iklim sekolah di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan?
- c). Adakah terdapat hubungan antara pengalaman mengajar dengan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan?
- d). Adakah terdapat hubungan antara bidang major pengajian dengan iklim sekolah di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan?
- e). Adakah terdapat hubungan antara bidang major pengajian dengan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan?
- f). Adakah terdapat hubungan antara pengalaman mengajar dengan iklim sekolah dan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan?
- g). Adakah terdapat hubungan antara bidang major pengajian dengan iklim sekolah dan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan?

1.7 Hipotesis Kajian

Berikut adalah hipotesis yang dibina bagi menjawab setiap persoalan kajian yang dijalankan:

- H01 : Tidak terdapat hubungan antara iklim sekolah dan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan.
- H02 : Tidak terdapat hubungan antara pengalaman mengajar dengan iklim sekolah di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan.

- H03 : Tidak terdapat hubungan antara pengalaman mengajar dengan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan.
- H04 : Tidak terdapat hubungan antara bidang major pengajian dengan iklim sekolah di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan.
- H05 : Tidak terdapat hubungan antara bidang major pengajian dengan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan.
- H06 : Tidak terdapat hubungan antara pengalaman mengajar dengan iklim sekolah dan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan.
- H07 : Tidak terdapat hubungan antara bidang major pengajian dengan iklim sekolah dan efikasi guru di sekolah-sekolah menengah Wilayah Persekutuan Labuan.

1.8 Definisi Operasional

a) Pengalaman Guru

Pengalaman ialah memungkinkan seseorang guru menjadi tahu dan hasil tahu ini kemudian disebut pengetahuan. Dalam dunia kerja istilah pengalaman juga digunakan untuk merujuk pada pengetahuan dan ketrampilan tentang sesuatu yang diperoleh lewat keterlibatan atau berkaitan dengannya selama skala tertentu. Secara umum, pengalaman membawa maksud kepada mengetahui bagaimana atau pengetahuan prosedural, daripada pengetahuan proposisional. Pengetahuan yang berdasarkan pengalaman juga diketahui sebagai pengetahuan empirikal atau pengetahuan posteriori. Seorang dengan cukup banyak pengalaman di bidang tertentu dipanggil ahli atau guru yang berpengalaman dalam dunia pendidikan.